

NO. SOALAN: 553

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**

RUJUKAN : 7691

SOALAN:

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan ;-**

(a) kadar kejayaan pemulihan PUSPEN berbanding dengan klinik C&C; dan

(b) adakah Kerajaan bercadang menukarkan polisi dadah Malaysia yang digunakan di PUSPEN kepada menggunakan pendekatan Polisi Dadah Switzerland, yang berjaya dalam merawat penagih-penagih dadah.

JAWAPAN:

- a) Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN)/ *Cure & Care Rehabilitation Centre* (CCRC) dan Klinik C&C 1Malaysia merupakan institusi pemulihan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) yang menyediakan program rawatan dan pemulihan untuk penagih dadah.

Penagih dadah yang mendapatkan rawatan dan pemulihan di PUSPEN/CCRC merupakan penghuni yang diperintahkan oleh majistret melalui seksyen 6(1)(a) Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983. Manakala penghuni yang berada di Klinik C&C 1Malaysia akan mendapatkan rawatan dan pemulihan melalui seksyen 8(3)(a) Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983.

Sambutan yang diterima semenjak penubuhan Klinik C&C 1Malaysia tersebut adalah amat menggalakkan daripada individu-individu yang menghadapi masalah penyalahgunaan atau penagihan dadah. Bagi tempoh 2010 sehingga 2014, jumlah klien yang mendapatkan perkhidmatan secara sukarela adalah seramai 48,202 orang.

Bagi penagih dadah yang diperintahkan oleh majistret untuk menjalani rawatan dan pemulihan di PUSPEN/CCRC dan dibebaskan setelah menamatkan tempoh rawatan akan menjalani tempoh pengawasan dalam komuniti. Statistik

menunjukkan sebanyak 80-90% kes-kes pengawasan adalah komplian (menghadiri program-program yang ditetapkan dalam tempoh 2 tahun tersebut).

Kerajaan mengalakkan penagih dadah mendapatkan rawatan secara sukarela di Klinik C&C 1Malaysia yang membolehkan mereka mendapatkan rawatan awal. Walau bagaimanapun, penempatan di PUSPEN/CCRC di bawah perintah Majistret masih dilaksanakan bagi kes-kes yang enggan mengikuti program secara sukarela.

AADK telah menerima pengiktarafan daripada *United Nations Office on Drugs and Crime* (UNODC) dan *World Health Organisation* (WHO) atas pelaksanaan konsep terbuka (*open access*) dan sukarela (*voluntary*) di Klinik C&C 1Malaysia sebagai amalan terbaik dalam memberi perkhidmatan kepada mereka yang mempunyai permasalahan dadah.

- b) Mulai 1 Julai 2010, AADK menjalankan transformasi perkhidmatan dengan menyediakan perkhidmatan rawatan dan pemulihan secara sukarela dan terbuka kepada individu yang mempunyai masalah penagihan dadah melalui Model *Cure & Care*. Penekanan diberikan terhadap kaedah rawatan pemulihan secara sukarela dan menggabungkan elemen program psikososial dan klinikal serta perubatan sebagai komponen utama pelaksanaan program.

Di samping itu, Kerajaan juga telah mengadaptasi program – program berbentuk *evidence based* daripada negara – negara lain. Antaranya ialah Program *Harm Reduction* yang dipraktikkan di Switzerland. Program *Harm Reduction* ialah dasar dan program yang komprehensif untuk mengurangkan kesan negatif dari segi kesihatan, sosial dan ekonomi akibat penyalahgunaan dadah kepada individu, pengguna-pengguna dadah, keluarga dan masyarakat secara keseluruhan (*International Harm Reduction Association (IHRA), 2007*).

Bagi pemulihan penagihan, Kementerian Kesihatan dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) melaksanakan *Medically Assisted Therapy (MAT)* yang merupakan salah satu program *Harm Reduction* menggunakan metadon, iaitu sejenis dadah gantian bagi merawat ketagihan dadah jenis opiat seperti heroin dan morfin. Metadon dapat membantu mengurangkan ketagihan opiat, mengurangkan kesan sindrom tarikan dan membantu mengurangkan kesan

psikologi serta emosi semasa proses pengunduran. Selain daripada itu pengambilan metadon dapat mengurangkan risiko jangkitan Hepatitis B, C dan HIV atau AIDS melalui perkongsian jarum.

Pada masa kini, Kerajaan sedang merangka Dasar Dadah Negara yang baharu dengan mengambil kira strategi, impak dan pendekatan yang lebih berkesan bagi membendung ancaman gejala dadah di negara ini.

AADK sebagai agensi *focal point* sentiasa peka dengan perubahan persekitaran memandangkan gejala penagihan dadah di negara ini didapati semakin membimbangkan apabila ia terus menular di kalangan remaja terutama dengan wujudnya dadah-dadah jenis baharu seperti ATS dan syabu.

Dasar ini dirangka dengan mengambil kira *International Good Practices* iaitu amalan-amalan negara maju seperti Switzerland, Australia, United Kingdom, Germany, dan Singapura. Draf Dasar Dadah Negara yang disediakan juga menepati amalan terkini di peringkat antarabangsa, seperti yang ditetapkan oleh *Commission on Narcotics Drug* (CND). Pada tahun 2015, Mesyuarat *Commission on Narcotics Drug* di Vienna, Austria juga akan mengadakan satu *International Review* berhubung strategi dan dasar dadah sedunia.